



Ibrahim Shah

Menyingkap
Pengurusan
Universiti

MUHD KAMIL IBRAHIM • NASRUDIN MOHAMMED



Ibrahim Shah

Menyingkap Pengurusan Universiti

MUHD KAMIL IBRAHIM • NASRUDIN MOHAMMED



PUSTAKA PERDANA



1008918



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
No. 1 & 3, Jalan 3/91A
Taman Shamelin Perkasa, Cheras
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-92856577
Fax: 03-92846554/92875763
e-mel: enquiry@upnd.com.my
laman web: www.upnd.com.my

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
Terbitan Pertama 2004
Ulang Cetak 2004

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Muhd Kamil Ibrahim

Ibrahim Shah: menyingkap pengurusan universiti / Muhd Kamil Ibrahim,
Nasrudin Mohammed.

ISBN 967-61-1512-6

1. Ibrahim Hj. Abu Shah, Dato' Seri, 1948—Contributions in Education.
2. Universiti Teknologi Mara—Administration.
3. Educational leadership—Malaysia. I. Nasrudin Mohammed.

II. Judul.

378.10109595

Dicetak oleh
PERCETAKAN CERGAS (M) SDN. BHD.
No. 29, Jalan 2/148A,
Tmn. Sg. Besi Industrial Park,
57100 Kuala Lumpur.

378.101
Muh

Buku ini ditulis kerana kami menghargai seseorang. Namun, buku ini dituju khusus buat isteri dan anak-anak kami—mereka yang kami sentiasa hargai dan hormati—Roza, Sara, Azrai, Amirul dan Sofea serta Zaliha, Nasiha, Zahier, Nabilah dan Zuhair.





Catatan Pengarang



Universiti Teknologi MARA adalah sebuah institusi istimewa. Mereka yang menyayanginya pun turut istimewa. Buku ini mengabadikan sedikit keistimewaan tersebut untuk tatapan semua.

(DMK & DNM)

Buku ini ditulis dengan niat murni.

Mengurus sebuah universiti sebesar Universiti Teknologi MARA (UiTM) bukanlah satu tugas mudah. UiTM adalah sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terbesar di Malaysia. Di mana wujud sebuah negeri maka di situ akan ada UiTM. Malah ada sesetengah negeri mempunyai sehingga tiga kampus. Lebih daripada itu, UiTM bukan hanya sebuah universiti semata-mata. Di dalamnya, UiTM mempunyai seribu watak. *Survival* bangsa, pengimbang keharmonian negara, politik, budaya kecil dan pelbagai yang sentiasa menjadi intipan masyarakat. Bagi kami, mentadbir

UiTM merupakan satu seni pengurusan yang menarik untuk ditulis. Sepatah komen bekas Menteri Pendidikan Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud semasa majlis konvokesyen UiTM menjelaskan kenyataan kami:

Mengurus universiti bukan hanya bergantung kepada kepakaran akademik semata-mata. Seorang Naib Canselor yang baik memerlukan pelbagai kemahiran. Salah satunya ialah kemahiran berpolitik.

Kenapa kami memilih Dr. Ibrahim Shah? Kenapa tidak Tan Sri Arshad Ayub, Datuk Lokman, Tan Sri Awang Had Saleh, Dato' Nik Rashid, Datuk Mansor Salleh atau Dato' Zaidee Laidin, kesemuanya bekas Naib Canselor UiTM. Masing-masing mempunyai keistimewaan yang cukup luar biasa terutamanya Tan Sri Arshad Ayub yang sentiasa kekal dalam lipatan sejarah. Malah beliau sendiri telah dinobatkan sebagai Baba ITM.

Kami yakin kemuncak kejayaan UiTM dalam melahirkan tenaga kerja profesional adalah dengan terlantiknya Profesor Dato' Seri Dr. Ibrahim Abu Shah, hasilan UiTM pertama yang dilantik sebagai Naib Canselor pada 1 Januari 2001. Tarikh pelantikan itu sendiri berlangsung ketika dunia baru sahaja melangkah ke alaf baru. Tentu sekali cabaran yang dipikul oleh Dr. Ibrahim bukan kepalang berat. Isu-isu yang bersifat global memberi kesan langsung kepada universiti dan negara. Dr. Ibrahim perlu melihat UiTM dan bangsanya dari sudut yang lebih luas selari dengan kemunculan dan cabaran alaf baru.

Kami melihat Dr. Ibrahim berlari mengejar impian agar UiTM menjadi sebuah universiti terunggul di dunia. Hakikatnya, melalui seni "pengurusan universiti" beliau, Dr. Ibrahim berjaya mengubah budaya masyarakat UiTM. Daripada pemikiran "institut" kepada pemikiran "universiti". Beliau begitu "gila-gila" membawa nama UiTM keluar sebagai sebuah universiti yang tidak boleh dianggap sebagai universiti kelas dua. Hasilnya, Strategi 2121 dan penstrukturan semula UiTM telah dicetuskan oleh beliau. Semuanya dilakukan atas dasar ingin memertabatkan bangsa Melayu dan bumiputera supaya dapat berdiri sama tinggi dengan bangsa lain. Semuanya dilakukan atas dasar ingin memertabatkan bangsa Melayu dan bumiputera supaya dapat berdiri sama tinggi dengan bangsa lain. Dr. Ibrahim berkata:

Penstrukturan semula UiTM mengajak warganya membuat anjakan paradigma supaya mempunyai semangat baru, kejujuran dan

kesungguhan bekerja. Apatah lagi untuk menjayakan sebuah universiti terbesar seperti UiTM bukan sekadar mengubah aspek fizikalnya semata-mata. Saya mahu penstrukturan ini dapat membangkitkan aspek-aspek kemanusiaan yang melibatkan perubahan minda, sikap, kesedaran, rasa kesyukuran, semangat, nilai dan etika, serta kejujuran dan kesungguhan untuk benar-benar menjayakan sebuah universiti yang sangat jelas peranannya dalam pembangunan bangsa dan negara.

Tentu sekali kita mahu mengukuhkan aspek-aspek nilai yang telah tersemam ini kerana saya percaya kehebatan fizikal walau disaluti emas sekalipun tidak akan memberi apa-apa erti jika kesedaran dan kesungguhan untuk membangunkan UiTM tidak wujud sepenuhnya di hati warga universiti. Kita mesti wujudkan budaya keuniversitan yang menekankan aspek-aspek keserjanaan dan keprofesionalan secara lebih kemas dan tersusun. Percayalah gelombang globalisasi yang diiringi dengan kedatangan AFTA maupun WTO tidak dapat ditangkis lagi. Namun saya yakin, jika staf dan mahasiswa UiTM dibimbing supaya berfikiran global, bersifat holistik, berpegang kepada ajaran Islam dan adat ketimuran mereka tidak akan tewas begitu sahaja. Saya tidak mahu melihat pelajar dan kakitangan kita bersifat jumud, tidak melihat ke hadapan serta sempit pemikiran. Saya akan pastikan agama Islam tidak lagi dipandang sebagai agama yang membantutkan pembangunan ummah tetapi ia merupakan agama yang maju dan sesuai untuk semua zaman.

Beliau bercita-cita besar untuk membentuk graduan UiTM yang berkualiti dan bertaraf dunia. Gagasan beliau mudah—“UiTM perlu ada model graduan yang mahu dicapai”—supaya mereka dapat menempuh gelora globalisasi. Dalam konteks inilah Dr. Ibrahim mahu graduan UiTM mempunyai beberapa sifat khusus, misalnya, berpengetahuan dan berkemahiran; kreatif, konstruktif, saintifik, progresif, inovatif, kritikal, global dan analitikal; rasional, terbuka, berpandangan jauh, berke-trampilan, bebas dan yakin; berdikari dan berdaya saing serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan, keusahawan dan kemahiran pengurusan yang tinggi; mempunyai kecergasan dan ketahanan mental serta fizikal yang berpanjangan; mempunyai sifat jati diri, patriotik, berterima kasih dan bersyukur; dan beretika, bertakwa dan berakhlak mulia serta mempunyai ciri-ciri personaliti yang seimbang, harmonis dan holistik.

Bagaimanapun, kami melihat keistimewaan sebenar Dr. Ibrahim ialah karisma beliau untuk menggerakkan mahasiswa UiTM menjadi

mahasiswa terbaik manakala universiti ini menjadi lebih unggul daripada mana-mana universiti lain di Malaysia. Sikap dan cara beliau mengurus mahasiswa UiTM menggambarkan mereka sebagai aset utama negara. Beliau sentiasa mengambil berat dan amat berbangga dengan pelbagai kejayaan siswa-siswi UiTM. Sebagai contoh, Dr. Ibrahim “bersusah-payah” meraikan kejayaan siswa/siswi yang berjaya mendapat “1st. runner-up” dalam pertandingan *Student in Free Enterprise* (SIFE) yang telah diadakan di German pada Oktober, 2003. Dr. Ibrahim sendiri menjemput mereka untuk diperkenalkan kepada ahli senat UiTM. Pertandingan bertaraf dunia ini disertai oleh 60 negara bertujuan mencungkil dan melatih bakat kepimpinan dan keusahawan para pelajar di peringkat institusi pengajian tinggi. Dr. Ibrahim amat berbangga dengan keupayaan “anakanda-anakanda” beliau yang mampu menumbangkan semua negara termasuk negara maju serta kuasa besar kecuali Amerika Syarikat. Negara-negara lain yang turut serta adalah seperti Kanada, Afrika Selatan, Australia, New Zealand, United Kingdom, German, Rusia, Singapura, Nigeria dan China. Dalam konteks yang lebih kecil, Dr. Ibrahim menjadikan kejayaan mahasiswa program Undang-Undang UiTM menjuarai *Moot Court Competition* sebagai gambaran kewibawaan mahasiswa UiTM untuk bersaing dengan mana-mana universiti di Malaysia. Dan kejayaan-kejayaan seperti inilah yang sentiasa dipasarkan oleh Dr. Ibrahim bagi menonjolkan kehebatan siswa-siswi UiTM kepada masyarakat umum.

Selain daripada itu, pandangan masyarakat mahasiswa UiTM terhadap Dr. Ibrahim cukup istimewa dan berpengaruh. Kenapa? Beliau adalah seorang bapa, abang dan rakan kepada hampir 100 000 anak-anak muda. Dr. Ibrahim kelihatan jarang menghampakan jemputan untuk hadir ke mana-mana majlis anjuran persatuan pelajar. Pertemuan dengan mahasiswa sentiasa berakhir dalam suasana kemesraan. Tentu sekali beliau amat disayangi dan disenangi malah menjadi “idola” kepada sesetengah daripada mereka.

Kami pula melihat dari sudut yang berbeza. Dr. Ibrahim pintar mengawal anak-anak muda ini supaya memahami kenapa mereka berada di UiTM. Beliau sentiasa mengingatkan mahasiswa UiTM supaya memberi tumpuan sepenuhnya untuk menimba ilmu demi agama, bangsa dan negara. Dr. Ibrahim berjaya mendidik anak-anak bumiputera UiTM supaya tahu berterima kasih dengan menjadikan aspirasi kerajaan sebagai asas mencapai kejayaan. Hakikatnya, keputusan pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM 2003 menjelaskan bagaimana usaha gigih Dr. Ibrahim menyedarkan mahasiswa UiTM supaya tidak perlu *anti establishment*